

Lewat siap: Berjaya Times Square bayar pampasan kepada pembeli

10M 30 SEP 2003

KUALA LUMPUR 29 Sept. — Berjaya Times Square Sdn. Bhd. (BTSSB) akan membayar pampasan berjumlah RM270 juta kepada pembeli ruang bangunan kompleks membeli belah terbesar di Asia itu berikutan kelewatan menyiapkannya.

Pengerusinya, Tan Sri Vincent Tan berkata, bayaran itu akan dibuat dalam bentuk saham menerusi sebuah syarikat yang disenaraikan di papan utama Bursa Saham Kuala Lumpur.

Katanya, sebanyak 400 pembeli yang mengemukakan tuntutan mereka akan menerima pampasan masing-masing.

"Kami sedang berusaha menyelesaikan perkara itu mengikut konsep menang-menang dan perkara lanjut mengenainya dijangka akan diumumkan dalam masa dua

hingga tiga minggu lagi," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pembukaan rasmi Berjaya Times Square oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Bangunan terletak di Jalan Imbi yang menempatkan pelbagai kemudahan itu mula dibina pada 1994 dan dijadualkan siap sepenuhnya pada 1999.

Bagaimanapun disebabkan masalah kegawatan ekonomi yang teruk melanda rantau Asia pada 1997, projek milik Kumpulan Berjaya Bhd. itu gagal disiapkan mengikut jadual.

Beliau yang juga Pengerusi Kumpulan Berjaya Bhd. berkata, antara cadangan itu termasuk 'menyuntikkannya' kepada syarikat tersenarai yang kemudiannya akan mengelu-

arkan saham untuk mengambil alih BTSSB dan liabilitinya.

Sehingga kini lebih 80 peratus daripada ruang kedai dan bangunan dengan keluasan 7.5 juta kaki persegi itu telah dijual beliau berharap kebanyakan daripada lot itu dapat disewakan dalam tempoh enam hingga sembilan bulan lagi.

Katanya, BTSSB akan memiliki 60 peratus daripada keseluruhan ruang berkenaan dan nilai jualan yang diperoleh dijangka sebanyak RM900 juta.

Pembinaan bangunan menempatkan hotel setinggi 45 tingkat itu terlewat empat tahun dengan kos sebanyak RM1.85 bilion, iaitu meningkat daripada kos asal sebanyak RM1.5 bilion.

Beliau menjangkakan BTSSB memperoleh pendapa-

tan bersih RM25 juta daripada hasil jualan dan penyewaan ruang bangunan sehingga akhir April depan.

Penyewa utama bangunan itu ialah pasar raya terkemuka dari United Kingdom, Debenhams yang akan memulakan operasinya pertengahan November depan.

Pusat membeli-belah itu turut menyediakan 1,200 penginapan mewah berbentuk hotel dan pangsapuri perkhidmatan, 12 tingkat kedai, 4,500 tempat meletak kereta dan taman tema tertutup terbesar di Asia, Cosmo's World yang mempunyai permainan roller coaster kedua terbesar di dunia.

Tarikan lain termasuk mempunyai sembilan pawagam berteknologi IMAX 3D, pusat permainan boling dengan 56 lorong dan pusat kegiatan sukan dalaman.